

Pemfitnah boleh dihukum penjara

Published on October 31, 2017 — in Politik — by webadmin



TEMPOH berkempen ketika pilihan raya sememangnya hangat dengan sesi ceramah serta sebaran melalui media cetak dan elektronik termasuklah di laman-laman sosial parti bertanding bagi menyebarkan manifesto masing-masing.

Pada waktu inilah lazimnya berlaku insiden-insiden ketegangan yang melibatkan provokasi-provokasi daripada penyokong-penyokong yang tidak bertanggungjawab terutamanya menyerang peribadi pihak lawan.

Peguam, Noorazmir Zakaria berkata, bagi menangani perkara sebegini, undang-undang di Malaysia sebenarnya telahpun mempunyai memperuntukkan bagi melarang sebarang perbuatan yang boleh mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan ketika pilihan raya sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen

4A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

“Peruntukan ini secara rumusannya mengatakan bahawa sesiapa yang disabitkan bersalah kerana melakukan perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan ketika pilihan raya untuk mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi dalam pilihan raya atau untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

“Malah, jika mana-mana individu disabitkan kesalahan bagi peruntukan ini, beliau tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai pemilih atau mengundi di dalam pilihan raya mahupun dipilih dalam pilihan raya sehingga tempoh lima tahun dari sabitan kesalahan tersebut.

“Jika pada tarikh sabitan bersalah tersebut beliau telah pun dipilih

dalam pilihan raya tersebut, maka kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu,” katanya kepada Sinar Harian.

Kata Noorazmir lagi, begitu juga dengan Seksyen 11 (d) Akta yang sama turut memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana individu yang menerbitkan apa-apa pernyataan palsu mengenai watak atau kelakuan peribadi calon sebelum atau semasa pilihan raya bagi mempengaruhi supaya mana-mana calon dipilih boleh disabitkan bersalah atau suatu perbuatan ‘rasuah’ menurut akta ini.

“Akta ini juga memandangkan berat terhadap kebertanggungjawaban pihak yang mengeluarkan sesuatu bahan berkempen agar bertanggungjawab terhadap bahan-bahan yang diterbitkan.

“Hal ini kerana mereka perlu mempamerkan nama dan alamat pencetak dan penerbit pada cetakan kempen tersebut. Jika gagal, mereka turut boleh disabitkan atas kesalahan ‘rasuah’ menurut Seksyen 11 (c) Akta yang sama.

“Peruntukan sebegini antara lain memberikan kesempatan kepada mana-mana pihak untuk memfailkan saman fitnah kepada pencetak dan penerbit terbabit sekiranya wujud elemen fitnah di dalam sebaran kempen mereka memandangkan nama pencetak dan penerbit tersebut mesti dicetak di bahan kempen terbabit,” katanya.

Sementara itu, Noorazmir berkata, berdasarkan ‘trend’ sebelum ini, lazimnya isu-isu

serangan peribadi di jadikan asas kepada sesuatu petisyen pilihan raya.

“Walau bagaimanapun, isu-isu seperti kesalahan di bawah Seksyen 4A dan 11 (d) Akta ini lazimnya sukar untuk dibuktikan apabila ianya dibangkitkan di dalam petisyen pilihan raya. Hal ini kerana undang-undang di negara kita meletakkan beban pembuktian yang ketat iaitu kesalahan-kesalahan ini perlu dibuktikan melangkaui keraguan yang munasabah.

“Ini menyebabkan kebanyakan petisyen pilihan raya telah ditolak oleh mahkamah di peringkat bantahan awal lagi tanpa sempat ia melalui perbicaraan penuh,” katanya.

Oleh sebab itu Noorazmir mencadangkan supaya isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen pilihan raya diteruskan ke peringkat perbicaraan penuh di mana saksi-saksi yang relevan boleh dipanggil bagi membuktikan dakwaan mereka bahawa berlakunya kesalahan-kesalahan ini.

“Maka ia secara tidak langsung boleh mendidik semua pihak yang terlibat di dalam pilihan raya agar berkempen secara berhemah dan menghindari perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada fitnah.

“Namun apabila isu sebegini tidak dianggap sebagai penting dalam mempertimbangkan sesuatu petisyen pilihan raya, maka undang-undang seperti ini akan kekal hanya di dalam akta sahaja

tanpa sebarang penguatkuasaan,” katanya.

‘Berkempen jangan terkeluar landasan Islam’

Ditanya mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pihak yang difitnah, Noorazmir berkata mereka boleh memfailkan saman fitnah terhadap mana-mana individu yang didakwa memfitnah mereka ketika berkempen.

[ARTIKEL BERKAITAN]: [Mangsa serangan peribadi boleh ambil tindakan sivil](#)

[ARTIKEL BERKAITAN]: [Politik ‘selak kain’ minda kelas ketiga](#)

“Dalam tindakan saman tort fitnah, pihak yang memfailkan saman tersebut perlu membuktikan tiga elemen berikut wujud iaitu, pertama, pengataan-pengataan mengandungi unsur-unsur fitnah; kedua, pengataan-pengataan fitnah tersebut merujuk kepada pihak yang difitnah; dan terakhir pengataan-pengataan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga,” katanya.

[ARTIKEL BERKAITAN]: [Tips kurangkan sabotaj calon](#)

Source: SH Politik



[featured-video-plus]

[ARTIKEL BERKAITAN]:

FACEBOOK

TWITTER

GOOGLE

PINTEREST

Search...



RECENT POSTS

3.5 trilion bongkah ais mencair: Seluruh dunia berisiko banjir

3.5 trilion bongkah ais mencair: Seluruh dunia berisiko banjir

Pemilik, pengunjung dua pusat hiburan dikompaun

Impak perubahan iklim ke atas kanak-kanak perlu perhatian segera

Impak perubahan iklim ke atas kanak-kanak perlu perhatian segera

RECENT COMMENTS